PREVIU SEMINAR UPSR 2010

BAHASA MALAYSIA

KERTAS 1

(Pemahaman)

ZAHURA ZAKRY

Summit Hotel

22hb.Mei , 2010

MasterMind Training Academy

BM - PEMAHAMAN

- **PENGENALAN**:

Kertas 1 ini dipanggil Kertas Bahasa Melayu Pemahaman. Kertas ini menguji calon-calon dalam 3 bahagian iaitu Kemahiran Bahasa, Kemahiran Membaca dan Memahami.

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

- Format Kertas 1 Bahasa Melayu UPSR adalah seperti berikut:

KOD KERTAS	: 011
JUMLAH SOALAN	: 40 SOALAN
BENTUK SOALAN	: OBJEKTIF ANEKA PILIHAN
MASA MENJAWAB	: 50 MINIT
JUMLAH MARKAH	: 40 MARKAH

MasterMind Training Academy

BM - PEMAHAMAN

PEMBAHAGIAN SOALAN:

PERTAMA:

- **KEMAHIRAN BERBAHASA / SISTEM BAHASA:**
  Soalan bermula daripada Nombor 1-30 =(30 markah)
- **Kemahiran bahasa untuk menguji pengetahuan tatabahasa calon.**

- **Soalan bahagian ini dibahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Aspek Penggunaan Perkataan dan Aspek Ayat Yang Betul.**

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

- Terdapat juga soalan yang disertakan dengan gambar ilustrasi sebagai panduan calon untuk menjawab soalan yang diberikan.

- Calon haruslah fokus pada gambar tersebut terlebih dahulu sebelum menjawab soalan.

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

❖ Aspek kemahiran berbahasa yang disoal dalam format terbaharu:

i. *Penggolongan kata* – ialah susunan kata nama seperti Nama Khas, Nama Am , Kata Ganti Nama, Kata Kerja, Kata Perintah dan lain-lain.

Kata Nama Khas:
Contoh:
Amirul, Raj Kumar, Lim Hong, Kuala Lumpur, Malaysia dan lain-lain (ditulis dengan huruf besar)

Kata Nama Am:
Contoh : guru, lembu, buaya, rumah, udara dan lain-lain (ditulis dengan huruf kecil

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

ii. <u>Penjodoh Bilangan-</u> **berfungsi untuk menerangkan aspek bilangan sesuatu benda.**

<u>Contoh</u>:

- **Bilah –benda tajam, runcing seperti pisau, parang, pedang**
- **Kaki – benda yang berkaki atau bertangkai seperti payung, cendawan**
- **Gugus- buah-buahan atau benda yang berangkai seperti anggur, kunci, kelapa sawit.**

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

iii. ***Penggandaan*** **– kata ganda ialah proses mengulangi sesuatu perkataan sama ada secara menyeluruh atau bahagian-bahagian tertentu dengan imbuhan atau tanpa imbuhan.**

Contoh Penggandaan:

Berbual-bual (bual), terkejar-kejar (kejar)

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

iv. *Pemajmukan*– ialah kata yang terbentuk daripada dua atau lebih perkataan yang menghasilkan makna yang baru.

Contoh:

✓ Air hujan, beg tangan, hari raya, jam tangan.

Contoh ayat:

a) Ferhad melukis beberapa bentuk *segi tiga* kaki sama pada kertas lukisan itu dengan menggunakan pensel.

b) Dia bersikap *luar biasa* sedikit semenjak kebelakangan ini.

c) Saya amat menghargai segala *tunjuk ajar* yang diberikan oleh Cikgu Aminah.

MasterMind Training Academy

BM - PEMAHAMAN

v. Pembentukan ayat – ayat yang lengkap dan sempurna mestilah terdiri daripada subjek dan predikat.

Contoh:

- Kami menonton televisyen

Kami – subjek

Menonton televisyen – predikat

- Puan Rahimah ialah seorang guru sekolah

Puan Rahimah – subjek

Ialah guru sekolah - predikat

MasterMind Training Academy

BM - PEMAHAMAN

vi. *<u>Peribahasa</u>* – **ialah kumpulan kata atau ayat yang tetap susunannya dan mempunyai maksud yang tertentu. Umumnya digunakan untuk memberi pengajaran atau teguran dengan cara sopan.**

Peribahasa terdiri daripada ***Simpulan Bahasa , Perumpamaan, Bidalan, Pepatah dan Kata-Kata Hikmat.***

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

vii. **<u>Sinonim dan Antonim</u> – Sinonim ialah perkataan seerti iaitu sama atau hampir maknanya manakala Antonim pula adalah perkataan berlawan.**

Contoh:

- **Sinonim:**

a) Ajar – latih, didik

b) Badan – tubuh, jasad

c) Cantik – jelita, ayu, rupawan, elok

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

Contoh:

- **Antonim:**
- **a) Aman – huru-hara, sengketa**
  b) Beku – cair
  c) Halal – haram

Contoh Ayat Sinonim:

i) Jam tangan itu cepat rosak kerana *mutunya* rendah. (*kualiti*)

Contoh Ayat Antonim:

i) Pemuda di tepi jalan itu *melaung* dengan kuat ke arah rakannya yang berada di perhentian bas. (*berbisik*).

MasterMind
Training Academy

BM - PEMAHAMAN

viii. **Kesalahan Umum Tatabahasa :**

a) **Nenek Salmah *rindukan* cucunya. (Salah)**
Nenek Salmah *rindu akan* cucunya.(Betul)

b) ***Siapa* yang mengambil buku saya? (Salah)**
***Siapakah* yang mengambil buku saya?(Betul)**

MasterMind
Training Academy

Previu seminar bahasa malaysia UPSR

Zahura Zakry

KERTAS 2

(Penulisan)

Summit Hotel - 22hb.Mei, 2010

MasterMind
Training Academy

- MASA YANG DIBERIKAN UNTUK BAHAGIAN INI IALAH *1 JAM 15 MINIT*
- TERBAHAGI KEPADA 3 BAHAGIAN

A) Bina ayat berdasarkan gambar rajah (15 minit)

B) Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak melebihi 80 patah perkataan (40 minit)

C) Tidak melebihi 60 patah (SJKC)

D) Nilai murni berdasarkan petikan (20 minit)

- **Bahagian A**
- sekurang-kurangnya 5 patah perkataan untuk setiap ayat yang dibina
- Mesti berdasarkan gambar yang diberikan
- Guna segala petunjuk yang terdapat dalam gambar yang diberikan.
- Kaji gambar dengan teliti sebelum menjawab
- Guna perkataan seperti murid-murid, pelajar , lelaki atau perempuan
- Anda dinasihatkan supaya tidak menamakan sesiapa yang terdapat di dalam gambar.

MasterMind
Training Academy

CONTOH GAMBARAJAH YANG DIBERIKAN

MasterMind
Training Academy

- **<u>Bahagian B</u>**

- Karangan

- 3 soalan dan diberikan, pilih satu sahaja

- Pelbagai format akan ditanya seperti surat, berita, karangan berbentuk peristiwa pengalaman, dialog, laporan dan juga sambungan cerita

- Pilih karangan yang anda betul-betul faham dan mempunyai banyak isi sebelum anda mula menjawab

- Guna kaedah *brain storming*.

- Tuliskan isi dahulu untuk karangan anda.

MasterMind
Training Academy

Bahagian C

Tulis nilai murni/pengajaran/amalan baik

Mesti tidak kurang daripada 50 patah perkatan (SK) & 40 patah perkataan (SJKC)

Baca dengan teliti soalan yang diberikan, kemudian baru anda jawab

Jawapan anda mesti dalam satu perenggan sahaja.

MasterMind
Training Academy

Bahagian C

Aminah sedang membaca buku sambil menunggu bas sekolahnya. Tiba-tiba, beliau dihampiri seorang pengemis. Pengemis itu meminta wang daripada Aminah. Aminah telah memberikan wang syiling baki wang sakunya kepada pengemis itu. Pengemis itu mengucapkan terima kasih sebelum pergi. Apabila bas sekolahnya tiba, Aminah beratur sebelum menaiki bas. Dia memberikan peluang kepada murid-murid yang lebih kecil untuk menaiki bas dahulu. Ketika berada di dalam bas, dia ternampak seorang murid tahun dua membuang sampah melalui tingkap bas. Dia telah menegur budak itu dan memberitahunya bahawa perbuatan itu tidak wajar dilakukan kerana boleh menimbulkan berbagai-bagai kesan.

1 2 3 4 5

MasterMind
Training Academy

membaca buku sambil menunggu bas

Kita perlu mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.

MasterMind
Training Academy

memberikan wang syiling baki wang sakunya

Seterusnya kita perlu membantu orang yang memerlukan bantuan.

MasterMind
Training Academy

mengucapkan terima kasih

Kita juga perlu mengucapkan terima kasih apabila diberikan sesuatu.

MasterMind
Training Academy

beratur sebelum menaiki bas

Selanjutnya kita perlu berdisiplin semasa menaiki bas dan memberikan keutamaan kepada yang lemah.

MasterMind
Training Academy

seorang murid tahun dua membuang sampah melalui tingkap bas.

Kita juga perlu membuang sampah di tempat yang disediakan seperti dalam tong sampah.

MasterMind
Training Academy

MASTERMIND TRAINING ACADEMY

PREVIU PMR 2010

BAHASA MALAYSIA

ZAHURA ZAKRY

Summit Hotel

22hb.Mei, 2010

MasterMind Training Academy

PREVIU PMR 2010

BAHASA MALAYSIA – KERTAS 1

MASA : 1 JAM

JUMLAH SOALAN : 40 SOALAN

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

BENTUK SOALAN 1 HINGGA SOALAN 7

PEMBAHAGIAN SOALAN DAN ASPEK YANG DIUJI DALAM BAHAGIAN PENGUASAAN TATABAHASA

BENTUK SOALAN 8 – 14:

- **MENGESAN KESALAHAN PELBAGAI JENIS KATA DAN PENGGUNAAN IMBUHAN DALAM AYAT (BAHAGIAN BERGARIS).**
- **SEMUA ASPEK PEMBENTUKAN KATA DIKEMUKAKAN DALAM BAHAGIAN INI**

MasterMind Training Academy

PREVIU PMR 2010

BENTUK SOALAN 15 – 17:

KETEPATAN PENGGUNAAN KATA DALAM AYAT:

-KATA NAMA

-KATA KERJA

-KATA ADJEKTIF

BENTUK SOALAN 18 – 21:

MENGESAN KESALAHAN FRASA DAN STRUKTUR AYAT DAN MEMBETULKAN JIKA TERDAPAT KESALAHAN

-FRASA NAMA

-FRASA KERJA

-FRASA SENDI NAMA

-FRASA KERJA

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

SOALAN 22 -24:

MEMAHAMI MAKSUD AYAT DAN MENCARI MAKSUD AYAT YANG SAMA:
-PENGURANGAN FAKTA
-PENAMBAHAN FAKTA
-PENYELEWENGAN FAKTA
-MENGUBAH CAKAP AJUK KEPADA CAKAP PINDAH DAN SEBALIKNYA

SOALAN 25 – 27:
PENGETAHUAN TENTANG AYAT-AYAT YANG BETUL
-SEMUA ASPEK TATABAHASA BOLEH DITANYAKAN DALAM BAHAGIAN INI.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

SOALAN 28 – 30:

PENGGUNAAN DAN PENGETAHUAN PERIBAHASA:

-SIMPULAN BAHASA
-PEPATAH
-PERUMPAMAAN
-BIDALAN
-KATA-KATA HIKMAT

BAHAGIAN PEMAHAMAN:

SOALAN 31 – 40

KONSEP PENYOALAN PETIKAN PEMAHAMAN PMR

- HANYA SATU (1) PETIKAN SAMA ADA MODEN ATAU PETIKAN TRADISIONAL AKAN DIKEMUKAKAN DALAM PEMAHAMAN PROSA DAN SATU (1) PETIKAN SAMA ADA PETIKAN PUISI MODEN ATAUPUN PUISI TRADISIONAL.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

BAHASA MELAYU – KERTAS 2

MASA : 2 JAM

JUMLAH SOALAN: 4 SOALAN

JAWAB SEMUA SOALAN

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

BAHAGIAN A

A (i) : MERINGKASKAN KARANGAN

A (ii): PEMAHAMAN PETIKAN

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

GARIS PANDUAN MENULIS RINGKASAN KARANGAN:
BAGAIMANA MENGESAN ISI:

- TELITI TAJUK PETIKAN DALAM ARAHAN SOALAN
- HANYA ISI YANG BERKAITAN DENGAN TAJUK DALAM ARAHAN SAHAJA YANG MERUPAKAN ISI RINGKASAN
- TINGGALKAN PERKARA YANG MERUPAKAN KETERANGAN BAGI ISI POKOK
- INGAT! SETIAP PERENGGAN TIDAK SEMESTINYA MENGANDUNGI ISI YANG SAMA BANYAK DENGAN PERENGGAN LAIN

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

- GUNAKAN PENANDA WACANA YANG RINGKAS DAN TEPAT BAGI MENGHUBUNGKAITKAN ISI DENGAN ISI DAN AYAT DENGAN AYAT.

  CONTOHNYA: NAMUN, WALAU BAGAIMANAPUN, JUSTERU DAN SEBAGAINYA.

- TULIS RINGKASAN HANYA DALAM SATU PERENGGAN DALAM JUMLAH PERKATAAN YANG DINYATAKAN DALAM ARAHAN IAITU TIDAK LEBIH DARIPADA 80 PATAH PERKATAAN.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

A (ii): PEMAHAMAN PETIKAN

SOALAN 1: MAKSUD RANGKAI KATA

-KESAN KEDUDUKAN RANGKAI KATA ATAUPUN FRASA DALAM PETIKAN

-SELEPAS ITU, KENAL PASTI MAKSUDNYA BERDASARKAN MAKSUD AYAT DALAM PETIKAN TERSEBUT

- **SOALAN 2: PEMAHAMAN DARIPADA PETIKAN**

-GUNAKAN SEBAHAGIAN AYAT DALAM SOALAN UNTUK MENJADIKAN AYAT LEBIH GRAMATIS

-JAWAPAN MESTI RINGKAS, TEPAT DAN PADAT DENGAN PENGGUNAAN BAHASA YANG LANCAR DAN GRAMATIS

MasterMind Training Academy

PREVIU PMR 2010

- **SOALAN 3: APLIKASI DARIPADA PEMAHAMAN TERHADAP PETIKAN**

-BENTUK SOALAN INI MEMERLUKAN PELAJAR MEMBERIKAN PENJELASAN DAN PENDAPAT DARIPADA KEFAHAMAN YANG DIPEROLEH DARIPADA PETIKAN.

-FAHAMI KEHENDAK SOALAN DAN TENTUKAN SAMA ADA SOALAN BERKENAAN MEMERLUKAN PENDAPAT TENTANG SEBAB, CARA (LANGKAH) ATAUPUN KESAN.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

BAHAGIAN B: KARANGAN BERGAMBAR

MASA YANG DICADANGKAN : 25 MINIT (20 MARKAH).
TIDAK LEBIH DARIPADA 120 PATAH PERKATAAN.

TERDIRI DARIPADA:

- GAMBAR TUNGGAL
- GAMBAR BERSIRI
- JADUAL
- CARTA ALIRAN
- APA-APA BAHAN RANGSANGAN YANG DAPAT MERANGSANG PELAJAR MEMBERIKAN PENDAPAT.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

KEPERLUAN ISI DALAM KARANGAN BERGAMBAR:

PENGENALAN → PENDAPAT

↓

KESIMPULAN



MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

BAHAGIAN C: PENULISAN KARANGAN
JENIS KARANGAN:

A. JENIS CERITA

- KEPERIHALAN, GAMBARAN, SUASANA
- SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI
- DIALOG ATAU PERBUALAN
- UCAPAN
- LAPORAN PERISTIWA

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

B. JENIS FAKTA:

- PENDAPAT
- SURAT KIRIMAN RASMI –ADUAN, PERMOHONAN ATAUPUN PESANAN BARANG
- PERBINCANGAN
- LAPORAN
- SYARAHAN
- CERAMAH
- PERBAHASAN
- HURAIAN
- PERNYATAAN
- WAWANCARA ATAU TEMURAMAH

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

KARANGAN:

PENDAHULUAN

ISI-ISI

PENUTUP

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

ISI:

BAGAIMANA PENGEMBANGAN ISI DAPAT DILAKUKAN DENGAN MUDAH?

KAEDAH:

APA-MENGAPA-BAGAIMANA **(KESAN DARIPADA APA)-*BILA* (CONTOH/BUKTI) – *SIAPA* –PENEGASAN (KESIMPULAN DARIPADA ISI, KEMBALI KEPADA PERSOALAN POKOK).**

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

PENGGUNAAN PERIBAHASA MEMANTAPKAN KARANGAN:

-PERIBAHASA ASPEK YANG SEMAKIN PENTING DI PERINGKAT PMR

-PERIBAHASA DAPAT MENJELASKAN DAN MENGUKUHKAN MAKSUD AYAT DENGAN LEBIH JELAS DAN MANTAP

-MASUKKAN 2 ATAU 3 PERIBAHASA YANG SESUAI DALAM SATU KARANGAN.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

BAHAGIAN D: KAJIAN NOVEL

ZON 1: TINGKATAN 1 : Meniti Kaca

TINGKATAN 2 : Pahlawan Pasir Salak

TINGKATAN 3 : Panas Salju

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

PANDUAN DAN KAEDAH MENJAWAB SOALAN NOVEL:

- JAWAPAN PERLU BERDASARKAN SATU NOVEL YANG DIKAJI SAHAJA. NAMA NOVEL PERLU DINYATAKAN PADA AWAL JAWAPAN PELAJAR.
- SETIAP JAWAPAN PERLU DIBERIKAN HURAIAN ATAUPUN KETERANGAN BERDASARKAN NOVEL YANG DIKAJI.
- JAWAPAN YANG DIBERIKAN MESTI DALAM AYAT YANG LENGKAP BUKANNYA DALAM BENTUK CATATAN ISI PENTING ATAUPUN MENGGUNAKAN SIMBOL-SIMBOL ISI PENTING SEBAGAIMANA MEMBUAT CATATAN.

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

- PASTIKAN BAHASA YANG DIGUNAKAN LANCAR DAN TEPAT KERANA MARKAH BAHASA MERANGKUMKAN SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA MARKAH KESELURUHAN (*10 MARKAH*).

- TULIS DALAM BENTUK PERENGGAN BAGI SETIAP ISI. PELAJAR JUGA BOLEH MENULIS DALAM BENTUK NOMBOR BAGI SETIAP ISI TETAPI PASTIKAN BAHAWA AYAT YANG DITULIS LENGKAP DARI SEGI SUSUNAN DAN STRUKTUR AYATNYA . JANGAN GUNAKAN AYAT RINGKAS ATAUPUN "POINT FORM".

MasterMind
Training Academy

PREVIU PMR 2010

UNSUR ASAS SASTERA YANG MESTI DIKUASAI:

- SINOPSIS
- TEMA DAN PERSOALAN
- WATAK DAN PERWATAKAN
- PLOT
- LATAR- LATAR MASA, LATAR MASYARAKAT DAN LATAR TEMPAT
- NILAI DAN PENGAJARAN
- PERBANDINGAN DALAM NOVEL DAN ANTARA NOVEL

MasterMind
Training Academy

PREVIU spm 2010

BAHASA MALAYSIA



zAHURA ZAKRY

Summit hotel, 22hb.mei, 2010

MasterMind
Training Academy

KERTAS 1

- TERDIRI DARIPADA 2 BAHAGIAN IAITU BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B
- BAHAGIAN A:
- SATU SOALAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN (KARANGAN BERPANDUKAN RANGSANGAN- GAMBAR ILUSTRASI/FOTO, GAMBAR RAJAH, ILUSTRASI KARTUN, PELAN, IKLAN, PETIKAN DAN CATATAN).

  Karangan berdasarkan bahan rangsangan atau karangan berpandu bermaksud bahan untuk menulis karangan telah disediakan dan calon diminta mengembangkan idea asas. Calon diminta mengembangkan idea asas (berdasarkan gambar) untuk menjadi sebuah karangan yang lengkap.

- -Bahan berpandu adalah berdasarkan gambar (satu atau beberapa gambar), rajah, graf, data, kartun, petikan rencana atau berita daripada surat khabar.

- -Soalan ini akan diajukan dalam Kertas 1 Soalan Bahagian A. Hanya satu soalan diberikan dan calon wajib menjawabnya.

MasterMind
Training Academy

Karangan berpandukan rangsangan
Bahagian a

-Soalan ini diperkenalkan untuk membantu calon memperoleh markah yang tinggi dalam bahagian karangan.

-Sebanyak 30 markah akan diberikan.

-Kepanjangan karangan sekitar 200 patah perkataan hingga 250 patah perkataan.

-Masa yang dicadangkan untuk menjawab ialah 45 minit.

MasterMind
Training Academy

Cara menjawab

1. Calon digalakkan menjawab soalan ini dahulu sebelum menulis karangan di Bahagian B.

2. Calon dicadangkan menulis enam perenggan dan setiap perenggan sepanjang 40 patah perkataan.

3. Letakkan sekurang-kurangnya 1 slogan, peribahasa, ataupun kata-kata hikmat.

MasterMind
Training Academy

Karangan umum

Bahagian b

1. Kertas SPM 1103/1 Bahasa Malaysia Bahagian B mengandungi lima (5) soalan dan anda diminta memilih salah satu daripada tajuk tersebut.

2. Calon diminta menulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan dalam tempoh 1 jam 30 minit.

3. Berdasarkan soalan SPM Jun 2005 dan November 2005 soalan boleh dibahagikan kepada lima, iaitu:
   (a) Soalan 1 : Soalan berkaitan diri;
   (b) Soalan 2 : Soalan berkaitan keluarga, masyarakat, dan sekolah;
   (c) Soalan 3 : Soalan berkaitan negara;
   (d) Soalan 4 : Soalan berkaitan antarabangsa;
   (e) Soalan 5 : Soalan berkaitan Komsas.



Bentuk dan Jenis Karangan

Pada umumnya, terdapat dua bentuk karangan, iaitu :
(a) Karangan Berformat
(b) Karangan Tidak Berformat

MasterMind Training Academy

KARANGAN UMUM

- PILIH SATU SOALAN UNTUK DIKARANG
- PANJANG KARANGAN MESTILAH LEBIH DARIPADA 350 PATAH PERKATAAN
- LIMA SOALAN PELBAGAI DIMENSI

MasterMind
Training Academy

KARANGAN UMUM BAHAGIAN B

- 1) SURAT RASMI
- 2) SURAT TAK RASMI
- 3) LAPORAN
- 4) UCAPAN/SYARAHAN/ CERAMAH/TAKLIMAT
- 5) WAWANCARA/ DIALOG/ FORUM
- 6) BERITA / RENCANA AKHBAR
- 7) CEREKA / IMAGINASI
- 8) FAKTA
- 9) PENDAPAT / PERBINCANGAN/ ULASAN
- 10) PERBAHASAN
- 11) PERIBAHASA / COGAN KATA

MasterMind
Training Academy

Kertas 2

PENGENALAN

1. Soalan berkaitan Rumusan akan diajukan dalam Kertas Bahasa Melayu 2, Soalan 1.

2. Soalan ini membawa 30 markah.

menganalisis soalan

1. Baca arahan dengan teliti untuk mengetahui kehendak soalan dan mengetahui kepanjangan rumusan yang perlu ditulis.

2. Kehendak soalan diketahui menerusi kata kunci .

MasterMind
Training Academy

RUMUSAN

- SOALAN 1
- WAJIB DIJAWAB – 30 MARKAH
- RUMUSAN HENDAKLAH MERANGKUM FOKUS PERTAMA DAN FOKUS KEDUA SOALAN
- GARISILAH PENANDA TUGASAN, FOKUS SOALAN DAN JUMLAH PERKATAAN RUMUSAN AGAR PERHATIAN ANDA BERPUSAT PADA KEHENDAK SOALAN
- KAWALLAH PENGGUNAAN JUMLAH PERKATAAN DALAM RUMUSAN ANDA

MasterMind
Training Academy

RUMUSAN

- RUMUSAN YANG CEMERLANG HARUSLAH MEMENUHI SYARAT-SYARAT SEPERTI YANG BERIKUT:
- A)MENEPATI KEHENDAK ARAHAN SOALAN
- B) MEMPERSEMBAHKAN IDEA SECARA TERATUR DENGAN PENDAHULUAN, ISI-ISI TERSURAT,ISI-ISI TERSIRAT DAN KESIMPULAN
- C) MEMPUNYAI ISI-ISI PENTING SECUKUPNYA
- D) MENGGUNAKAN BAHASA BAKU DAN SISTEM EJAAN SERTA TANDA BACA YANG BETUL

MasterMind
Training Academy

RUMUSAN

- MARKAH UNTUK ASPEK RUMUSAN:
- A) ISI – 20 MARKAH
- -PENDAHULUAN (1 ISI) – 2 MARKAH
- -ISI TERSURAT (4 ISI) – 8 MARKAH
- -ISI TERSIRAT (4 ISI) – 8 MARKAH
- -KESIMPULAN (1 ISI) – 2 MARKAH
- B) BAHASA – 10 MARKAH

MasterMind
Training Academy

PEMAHAMAN PETIKAN

- ASPEK PEMAHAMAN PETIKAN UMUM DIKEMUKAKAN SEBAGAI SOALAN 2 (A).
- SOALAN INI HENDAKLAH DIJAWAB DENGAN BERPANDUKAN PETIKAN YANG SAMA DENGAN PETIKAN UNTUK SOALAN 1- RUMUSAN
- PETIKAN INI DISERTAI 3 SOALAN:
- SOALAN (i)- maksud rangkai kata (2 markah)
- Soalan (ii)- soalan bertumpu (berkaitan teks)- (3 markah)
- Soalan (iii)- soalan jenis bercapah(pendapat atau pandangan calon tentang isu yang berkaitan dengan petikan)- (4 markah)

MasterMind
Training Academy

PEMAHAMAN ANTALOGI

- SOALAN 2 (KERTAS 2)
- DIBAHAGIKAN KEPADA:
- -2 (b) :Prosa Moden- Cerpen atau drama (9m)
- -2 (c) : Prosa Klasik (8m)
- -2 (d) : Puisi Tradisional atau Sajak (9m)
- Ketiga-tiga soalan ini wajib dijawab.
- 3 soalan yang diajukan:
- i) satu soalan pemahaman teks
- ii) satu soalan kemahiran berfikir
- Iii) satu soalan komponen sastera

MasterMind
Training Academy

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

- SOALAN 3:
- WAJIB DIJAWAB;
- CERAIAN (a), (b), (c), (d) DAN (e)
- 30 MARKAH – 6 MARKAH SETIAP CERAIAN
- SOALAN 3 (a): Pengetahuan dan pemahaman tentang aspek morfologi-membina ayat
- SOALAN 3 (b): Pengetahuan dan pemahaman tentang aspek sintaksis – menukarkan ayat/ menganalisis ayat/ melengkapkan ayat/ menyambung ayat/ memisahkan ayat
- SOALAN 3 (c): Pengetahuan dan pemahaman tentang aspek pengejaan dan pengimbuhan
- SOALAN 3 (d): Pengetahuan dan pemahaman tentang aspek penggunaan kata atau istilah dan tatabahasa
- SOALAN 3 (e): Pengetahuan dan pemahaman tentang aspek peribahasa

MasterMind
Training Academy

PEMAHAMAN NOVEL

- SOALAN 4:
- CERAIAN (a) DAN (b);
- SEMUA SOALAN WAJIB DIJAWAB;
- DIPERUNTUKKAN 15 MARKAH
- SOALAN GENRE NOVEL- BERBENTUK ESEI RINGKAS
- MARKAH YANG DIPERUNTUKKAN (15 MARKAH) - 7 ATAU 8 MARKAH BAGI SETIAP CERAIAN;
- SOALAN GENRE NOVEL LEBIH MENEKANKAN REAKSI, TANGGAPAN, ULASAN ATAU PENDAPAT CALON TENTANG SESUATU ASPEK SASTERA DALAM NOVEL YANG DIKAJI. ASPEK PENTING YANG PERLU DIBERI PERHATIAN IALAH ASPEK ISI DAN ASPEK BAHASA.
- ISI- BANYAK DAN BERNAS SERTA MENEPATI KEHENDAK TAJUK.
- BAHASA- STRUKTUR AYAT YANG PELBAGAI, PEMILIHAN KATA YANG TEPAT DAN INDAH, TATABAHASA DAN STRUKTUR AYAT YANG BAKU.

MasterMind
Training Academy